

PM harap isu Clob selesai

3H - 3 MAR 2000

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap isu saham Malaysia yang sebelum ini diurus niagakan di Central Limit Order Book (Clob) Singapura, akhirnya mencapai penyelesaian.

“Setakat pengetahuan saya, saya tidak kisah bagaimana (bentuk) penyelesaian, asalkan ia selesai,” katanya ditanya jika beliau menjangka pemegang saham Clob menerima satu atau beberapa cadangan pihak sektor swasta bagi menangani isu itu sehingga kini.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di Seminar Pengurusan Asean yang dianjurkan oleh Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) dari Jepun, di Kuala Lumpur.

Kepada soalan sama ada beliau berpendapat bahawa rentetan berkisar kepada isu itu sudah berakhir, Dr Mahathir berkata: “Saya berharap begitu”.

Kebuntuan isu selama 17 bulan itu kelihatan berakhir minggu lalu selepas Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Singapore Exchange Ltd (SGX) memeterai perjanjian untuk menyediakan pemindahan saham Clob ke Malaysia.

Perjanjian itu bagi membolehkan pemindahan saham Clob yang ketika ini masih disimpan dalam akaun penama dibenar Central Depository (Pte) Ltd (CDP) ke Malaysian Central Depository Sdn Bhd (MCD) kepada sekuriti pelabur individu untuk diurus niagakan di BSKL pada tempoh tertentu.

Di bawah perjanjian BSKL dan SGX, kedua-dua bursa itu akan juga memudahkan pelaksanaan cadangan Effective Capital Sdn Bhd. Tawaran Effective Capital untuk membeli saham Clob itu diterima berbanding beberapa tawaran syarikat lain.

Apabila ditanya sama ada beliau menjangkakan cadangan lain atau hanya satu cadangan iaitu daripada Effective Capital bagi isu Clob, Dr Mahathir berkata yang penting isu itu dapat diselesaikan.

Mengenai sama ada beliau merasakan satu kemajuan telah dicapai berkaitan isu Clob, beliau berkata: “Saya percaya sesuatu yang telah berlaku apabila ia berlaku.”